

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad (kanan) membaca usul Pemuda Umno ya ketuanya, Encik Anwar Ibrahim, selepas Perhimpunan Agung Khas perge

Pemimpin diminta bincang lebih dulu

PETALING JAYA, Jumaat — Pemimpin-pemimpin parti disarankan supaya mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli di masa depan sebelum membawa isu-isu sensitif ke Parlimen.

Saranan ini dibuat oleh wakil Pemuda Umno Johor, Encik Abu Bakar Dewa, di Perhimpunan Agung Khas Pemuda Umno, di sini hari ini.

Katanya, perbincangan harus diadakan untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak ditingi berlaku setelah isu itu diluluskan oleh Parlimen.

"Isu-isu yang dianggap sensitif adalah tanggungjawab bersama dan haruslah dikaji secara terperinci sebelum meluluskannya, kerana perkara yang telah diluluskan tanpa perbincangan akan menimbulkan beberapa kesan buruk di masa depan.

"Janganlah sudah terantuk baru hendak tengadah," katanya.

Encik Abu Bakar juga menuduh golongan yang memainkan isu mengenai pindaan perlembagaan sebagai penghasut yang ingin menaikkan imej mereka yang semakin pudar.

Penghasut ini, ujar be-

liau, telah kehilangan modal untuk berdepan dengan rakyat, lalu menggunakan isu itu sebagai bahan untuk mempopularkan diri mereka semula.

Beliau juga menuduh penghasut-penghasut itu cuba melepaskan dendam yang terpendam kepada individu tertentu dan menggunakan isu ini untuk mengelirukan rakyat.

"Mereka telah mengelirukan rakyat dengan mengatakan para pemimpin sekarang ingin 'menderhaka' kepada sultan dengan membuat pindaan perlembagaan yang mengugat kuasa sultan," tegasnya.

Sebenarnya, ujar beliau, tuduhan itu tidak benar kerana mereka masih belum memahami apakah yang dikatakan pindaan perlembagaan dan langkah-langkah yang diambil oleh para pemimpin.

"Pindaan perlembagaan adalah proses biasa dalam sesebuah negara demokrasi dan ia selalunya ditokok-tambah sekiranya didapati kurang sesuai," terang Encik Abu Bakar.

Oleh itu, pindaan yang dilakukan oleh pucuk pimpinan bukanlah perkara yang luar biasa, malah langkah ini telah diluluskan oleh Parlimen, katanya.

WAKIL BIMBANG DR M AKAN LETAK JAWATAN

PETALING JAYA, Jumaat — Wakil Pemuda Umno Pulau Pinang, Encik Mohd Zain Haji Omar, bimbang sekiranya Perdana Menteri yang progresif dan dinamik terpaksa meletakkan jawatan kerana gagal menyelesaikan isu pindaan perlembagaan ini.

Beliau berkata, perkara ini haruslah dielakkan dan sokongan setiap ahli akan dapat meringankan beban yang terpaksa dipikulnya.

Beliau berharap rakyat supaya jangan keliru dan mendengar hasutan dari 'suara-suara sumbang' yang cuba memutarbelitkan tujuan murni pucuk pimpinan.

"Suara-suara sumbang ini haruslah ditentang dengan sekeras-kerasnya agar niat buruk yang disembarkan dapat dibanteras sehingga ke akar umbi," tegasnya.